



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	31/12/2018

PM, persatuan, pengusaha bincang isu bekalan minyak

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan pertemuan dengan persatuan dan pengusaha stesen minyak, hari ini bagi membincangkan isu bekalan petrol dan diesel.

Perdana Menteri berkata, beliau akan berbincang dengan pihak terbabit bagi mencari jalan penyelesaian terbaik menangani isu berkaitan.

"Mereka akan jumpa kami dan kami akan berbincang dengan mereka. Kita akan cuba selesaikan masalah mereka," katanya pada sidang media pada hari akhir Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) BERSATU, di sini, semalam.

Sebelum ini, Presiden Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Bumiputera Malaysia (BUMIPEDA), Datuk Abu Samah Bachik, berkata pengguna dikhuatiri bakal berdepan masalah mendapatkan petrol dan diesel apabila semua tangki penyimpanan di stesen minyak dijangka kering menjelang 1 Januari ini.

Pengusaha enggan tambah simpanan

Beliau dilaporkan berkata, ia berpunca daripada keengganan pengusaha stesen minyak menambah simpanan dalam tangki menjelang penghujung bulan ini.

Isa susulan kenyataan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, yang dilaporkan berkata, kerajaan akan menyelaraskan harga runcit produk petroleum, termasuk RON95 kepada harga lebih rendah mulai 1 Januari.

Ditanya mengenai ada stesen minyak yang sudah mula menutup operasi tanpa kebenaran susulan isu berkenaan, Dr Mahathir berkata, beliau akan meneliti perkara itu.

Sedia plot tanam sayur, buah-buahan

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, beliau mahu pemilik dan pengusaha ladang supaya tidak menumpukan kepada satu jenis komoditi bagi mengelakkan kerugian apabila harga komoditi jatuh.

"Kita mahu setiap ladang kecil atau besar menyediakan satu plot (ruang) untuk tanam sayur, buah-buahan dan tumbuhan lain.

"Kalau harga komoditi jatuh, mereka boleh menjana pendapatan daripada tanaman sampingan itu," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai gesaan Ketua ARMADA, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, yang mahu kerajaan menggerakkan kempen *Buy British Last* sebagai reaksi kepada tindakan Kesatuan Eropah (EU) memboikot minyak sawit negara.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) BERSATU akan mempertimbangkan cadangan mewujudkan Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) di negeri yang dikuasai pembangkang.

Katanya, kerajaan akan memastikan ia akan dilaksanakan dengan adil dan tidak melanggar undang-undang negara.